

## PENYATAAN PRIVASI

Kami, **MYTV BROADCASTING SDN BHD** (No. Syarikat 897549-X) menghormati privasi Maklumat Peribadi (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) dan mana-mana undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan privasi dan perlindungan Maklumat Peribadi.

Dengan mematuhi keperluan undang-undang dan menunjukkan komitmen kami untuk melindungi Maklumat Peribadi anda, kami telah meletakkan Penyataan Privasi ini yang menghuraikan notis kepada anda, rangka kerja dan prinsip pemprosesan Maklumat Peribadi anda yang kami berikan kepada kami.

Penyataan Privasi ini diberikan kepada anda dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat ketidakselarasan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

MYTV berusaha untuk mengumpul Maklumat Peribadi anda dengan pengetahuan dan persetujuan anda yang kami percaya adalah benar, tepat dan lengkap dalam semua aspek.

Mengikutnya, dengan memberikan Maklumat Peribadi kepada kami, anda bersetuju dan membenarkan kami memproses Maklumat Peribadi anda mengikut syarat-syarat Pernyataan Privasi ini.

Untuk tujuan Penyataan Privasi ini:

**“Perjanjian”** bermaksud perjanjian antara anda dan MYTV (jika ada) berhubung dengan Perkhidmatan

**“MYTV, kami”** bermaksud MYTV Broadcasting Sdn Bhd (No. Syarikat 897549-X) dan Perbadanan Berkaitan

**“Maklumat Peribadi”** bermaksud apa-apa Maklumat Peribadi atau data yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda, termasuk apa-apa maklumat yang boleh digunakan untuk membezakan atau mengenal pasti anda. Maklumat Peribadi juga termasuk maklumat yang digariskan dalam "Maklumat Sensitif"

**“Perbadanan Berkaitan”** bermaksud syarikat-syarikat berkaitan seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 7 Akta Syarikat, 2016

**“Maklumat Sensitif”** maklumat mengenai kesihatan atau keadaan fizikal atau mental individu, pendapat politik individu, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, perlakuan atau

dakwaan perlakuan individu terhadap apa-apa kesalahan atau apa-apa Maklumat Peribadi lain yang ditentukan oleh undang-undang

**"Laman Web"**

bermaksud Laman Web rasmi MYTV  
([www.mytvbroadcasting.my](http://www.mytvbroadcasting.my))

**"Anda"**

bermaksud orang yang memberikan Maklumat Peribadinya kepada MYTV

**1. Apakah Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan daripada anda?**

Maklumat Peribadi bermaksud apa-apa maklumat yang mengenal pasti anda secara peribadi, seperti nama, alamat, jawatan, alamat e-mel, nombor faks, nombor telefon dan maklumat peribadi lain yang diberikan oleh anda.

**2. Adakah anda perlu memberikan Maklumat Peribadi apabila melawati Laman Web kami?**

Ia tidak wajib bagi pengunjung ke Laman Web kami untuk memberikan Maklumat Peribadi melainkan kami memerlukan Maklumat Peribadi tersebut untuk menjawab sebarang pertanyaan. Walau bagaimanapun, kami mungkin mengkehendaki pelawat ke Laman Web kami untuk menyediakan Maklumat Peribadi secara sukarela, sebagai contoh, untuk memasuki pertandingan, aktiviti promosi atau melengkapkan soal selidik atau tinjauan. Di mana ia munasabah dan praktikal, kami akan membolehkan pelanggan berurusan dengan kami tanpa nama.

**3. Bagaimanakah Maklumat Peribadi anda digunakan?**

Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan boleh digunakan untuk satu atau lebih daripada tujuan berikut: -

- untuk mengesahkan identiti anda;
- untuk berkomunikasi dengan anda;
- untuk maklum balas kepada pertanyaan anda;
- untuk berurusan dengan anda dan/atau menyediakan perkhidmatan kepada anda;
- untuk menghantar bahan-bahan seperti risalah, surat berita, artikel, bahan penulisan dan maklumat pemasaran;
- untuk menjalankan analisis pasaran dan analisis produk dan pembangunan;
- menjalankan siasatan dalaman berhubung dengan pencegahan, pengesanan atau pendakwaan jenayah dan penipuan;
- untuk menguruskan latihan kakitangan dan jaminan kualiti;
- untuk mengekalkan dan membangunkan sistem dan infrastruktur perniagaan kami, termasuk menguji dan menaik taraf sistem;
- untuk menyiasat, menjawab, atau membela tuntutan yang dibuat terhadap atau melibatkan MYTV;

- untuk mengekalkan rekod yang diperlukan untuk keselamatan, tuntutan atau tujuan undang-undang lain;
- untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan;
- untuk mematuhi sebarang obligasi undang-undang, selain daripada obligasi yang dikenakan oleh kontrak;
- untuk sebarang tujuan lain yang mungkin diarahkan atau dipersetujui oleh anda dengan jelas atau tersirat yang berkaitan dengan tujuan anda menyerahkan Maklumat Peribadi kepada kami
- untuk sebarang tujuan undang-undang lain yang ditetapkan di bawah PDPA dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan.

#### **4. Kepada siapa boleh kami berikan Maklumat Peribadi anda?**

- 4.1 Maklumat Peribadi yang kami kumpulkan hanya akan didedahkan kepada pihak ketiga berpandukan Penyataan Privasi ini.
- 4.2 Kami akan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan bahawa pihak ketiga yang disebutkan dalam klausula 4.1 di atas terikat dengan kerahsiaan ketat dan tanggungjawab privasi supaya Maklumat Peribadi anda dilindungi.
- 4.3 MYTV boleh mendedahkan Maklumat Peribadi anda kepada:
  - mana-mana orang yang terlibat/dikontrak/dilantik oleh kami untuk membantu prestasi dan penyediaan mana-mana perkhidmatan kami dan/atau sebarang tujuan lain yang perlu atau berkaitan dengan penyediaan mana-mana perkhidmatan kami kepada anda;
  - mana-mana Perbadanan Berkaitan dan pemegang saham kami dan para pemegang saham Perbadanan Berkaitan kami dan/atau mana-mana entiti, perbadanan dan syarikat yang bersekutu dengan kami;
  - Rakan strategik kami yang bekerja dengan kami untuk menyediakan perkhidmatan kami atau yang membantu memasarkan perkhidmatan termasuk rangkaian pengedar, peniaga, peruncit dan pemasang;
  - rakan perniagaan kami dan pihak-pihak lain untuk tujuan yang berkaitan dengan tujuan mengumpulkan dan menggunakan Maklumat Peribadi anda;
  - mana-mana orang untuk tujuan pematuhan apa-apa kewajipan undang-undang, selain daripada obligasi yang dikenakan oleh kontrak;
  - mana-mana orang yang diperlukan untuk pentadbiran keadilan atau pencegahan atau pengesanan jenayah, atau untuk tujuan penyiasatan atau demi tujuan kepentingan umum;
  - mana-mana orang untuk tujuan mendapatkan nasihat undang-undang atau untuk tujuan melaksanakan apa-apa fungsi yang diberikan kepada mana-mana orang atau di bawah mana-mana undang-undang atau dikehendaki atau dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang atau melalui perintah mahkamah atau mana-mana pentadbiran atau peraturan badan yang mempunyai bidang kuasa ke atas perkara itu;
  - mana-mana orang untuk penilaian atau pengumpulan apa-apa cukai atau kewajipan atau apa-apa pengenaan lain yang seumpamanya;

- mana-mana orang untuk tujuan memberi maklum balas kepada perkhidmatan atau isu teknikal atau aktiviti pemasaran;
  - penasihat profesional kami sekiranya perlu, untuk tujuan penasihat tersebut memberi nasihat kepada kami;
  - pihak-pihak yang dicalonkan atau dilantik oleh kami sama ada semata-mata atau bersama-sama dengan penyedia perkhidmatan lain, untuk tujuan menubuhkan dan mengekalkan pangkalan data serupa di mana kami mempunyai kepentingan bersama yang sah;
  - mana-mana pihak ketiga yang mengambil alih semua atau sebahagian aset atau perniagaan MYTV;
  - pihak-pihak lain yang telah mendapat persetujuan tersurat atau tersirat daripada anda; dan
  - sebaliknya sebagaimana dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia, termasuk tanpa had, PDPA.
- 4.4 Anda memberi kuasa kepada MYTV untuk mendedahkan Maklumat Peribadi anda mengikut cara yang dikenal pasti dalam Klausus 4.3 di atas.
- 5. Kemas kini kepada Penyataan Privasi kami**
- Kami berhak untuk mengubah, menyemak dan/atau meminda Penyataan Privasi ini dari semasa ke semasa dan perubahan itu akan dimaklumkan kepada anda melalui Laman Web kami atau sebarang komunikasi lain yang kami anggap relevan dan perlu.
- 6. Bagaimakah anda melaporkan sebarang pelanggaran privasi Maklumat Peribadi anda atau mengemukakan soalan berhubung dengan Penyataan Privasi ini?**

Jika anda percaya bahawa (a) privasi Maklumat Peribadi anda telah dikompromi atau (b) anda mempunyai sebarang soalan berhubung dengan Penyataan Privasi ini, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan MYTV di talian 1800-18-1088 atau hantarkan surat kepada kami di alamat:

**MYTV BROADCASTING SDN BHD**

2271, Jalan Usahawan 2,  
Cyber 6  
63000 Cyberjaya  
Selangor  
Malaysia

**Perhatian: Naib Presiden Pengawalseliaan**

Kami boleh mengubah butiran di atas dari semasa ke semasa.

Anda boleh yakin bahawa kami menghargai Maklumat Peribadi anda dan berusaha untuk mematuhi keperluan PDPA.